

Strategi baru Belanjawan 2003

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Belanjawan 2003 yang dijangka dibentangkan di Parlimen Oktober ini akan memperkenalkan strategi baru bagi pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, strategi baru itu berbeza daripada yang diperkenalkan kerajaan sebelum ini.

Bagaimanapun beliau tidak menghuraikan lebih lanjut strategi berkenaan, sebaliknya berharap ahli perniagaan bekerjasama dengan kerajaan untuk memastikan pendekatan baru itu mencapai kejayaan.

"Walaupun negara kita sudah mencapai pembangunan besar, kita memerlukan pembabitan lebih luas daripada masyarakat perniagaan," katanya berucap di majlis makan malam ulang tahun ke-10 Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (Massa) di sini,

malam ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden Massa, Tan Sri Azman Hashim.

Massa yang dianggotai ahli perniagaan Malaysia itu ditubuhkan bagi mempromosi perdagangan dan pelaburan dengan negara Selatan. Dr Mahathir mencadangkan penubuhannya selepas mengadakan lawatan ke Chile, Brazil dan Argentina bersama masyarakat perniagaan Malaysia pada 1991.

Cadangan itu timbul daripada hasrat supaya pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berorientasikan eksport tidak terlalu bergantung kepada pasaran tradisional iaitu Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.

Dr Mahathir bangga kerana Malaysia kini pesat membangun serta dikenali di seluruh dunia berbanding sebelumnya.

Beliau berkata, kejayaan itu hasil

kesediaan semua pihak termasuk masyarakat perniagaan, membekalkan diri mereka daripada bersikap selesa berniaga dalam negara kepada meneroka peluang di luar negara.

"Sebelum ini Malaysia tidak dikenali berbanding Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand kerana kita adalah negara baru. Ramai yang tidak tahu di mana Malaysia. Ada yang menyangka ia berada di Afrika, India dan ada juga meneka Malaysia di China.

"Bagaimanapun berkat kesanggupan kita untuk keluar daripada tempurung, Malaysia kini dikenali di luar negara. Malah kini ramai yang ke luar negara dan memberi penerangan mengenai negara kita," katanya.

Beliau berterima kasih kepada masyarakat perniagaan yang menyambut saranannya untuk menjadikan Malaysia negara yang lebih baik daripada sebelumnya.